

07 NOV 2000

MUZIUM ADAKAN PAMERAN KONTRAK PERKAHWINAN PARSI

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Muzium Kesenian Islam Malaysia buat pertama kalinya akan menganjurkan pameran mengenai kontrak perkahwinan Parsi di sini untuk tempoh tiga bulan dari 12 Dis ini.

Pameran itu mengenai Kontrak Perkahwinan Parsi dari Zaman Qajar, yang dijadual dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, diadakan bersempena ulangtahun kedua muzium itu.

Barang pameran itu, milik Arkib Kebangsaan Iran, adalah daripada koleksi peribadi Shourideh Ghazi, menurut kenyataan muzium itu hari ini.

Muzium itu, yang terletak di Jalan Lembah Perdana berhampiran Masjid Negara dan Pusat Islam, di sini, dibuka kepada orang ramai dari pukul 10 pagi hingga 6 petang dari hari Selasa sehingga Ahad.

Bayaran masuk ialah RM8 untuk orang dewasa, RM4 untuk pelajar dan warga tua dan RM3 untuk murid yang berpakaian sekolah dalam kumpulan 30 orang. Kanak-kanak di bawah umur enam tahun tidak dikenakan bayaran.

-- BERNAMA

LYM GM AKD